

No. Sebut harga: **JPV.NS.S.PK 1/2021**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN

Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu
71770 Seremban
Negeri Sembilan

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Lori Hino EURO3 300	NBY 5345	1	RM 6,000.00
2.	Jip/Mitsubishi Pajero Wagon	NAG 1234	1	RM 1,000.00
3.	Pickup/Isuzu TFR54	NAL 5777	1	RM 1,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 14 SEPTEMBER 2021 hingga 23 SEPTEMBER 2021 di antara jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban, Negeri Sembilan.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di Kaunter Khidmat Pelanggan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JPV.NS.S.PK 1/2021** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:

Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6
Jalan Jelebu, 71770 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

5. Tarikh tutup sebut harga pada 23 SEPTEMBER 2021 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu,
71770 Seremban, Negeri Sembilan

Tarikh: 18/08/21

Cop: **DR. REDZUAN BIN IBRAHIM**
Pegawai
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan Darul Khusus

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah **dalam bentuk Draf Bank sahaja** atas nama **BENDAHARI NEGERI, NEGERI SEMBILAN**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan
4. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya telah membayar sepenuhnya harga jualan aset alih tersebut. Bagi memudahkan pemulangan deposit dilakukan, sila sertakan bersama dokumen-dokumen yang disenaraikan pada senarai semak.
5. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di senarai semak hanya akan menyukarkan dan melambatkan proses pemulangan deposit kepada penyebut harga yang tidak berjaya.
6. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
7. Sekiranya pembeli mahu melihat aset, amalan penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan
8. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
9. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri
10. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

11. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
12. Bagi tawaran yang dihantar melalui pos, tawaran mesti sampai sebelum tarikh dan waktu tutup. Dokumen sebut harga yang lewat diterima dari waktu yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
13. Sebarang pertanyaan berhubung aset sila hubungi Pegawai kenderaan, Encik Ahmad Fitrie Bin Ahmad Tajuddin di talian 012 – 340 8595.
14. Tarikh tutup sebut harga adalah pada 23 September 2021 jam 12.00 tengah hari.